Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah), Disember 2026, Vol.11(1), hlm.233-248
e-ISSN: 2600-8726© Mohamad Aljar Najar
https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/

SEJARAH TUNTUTAN SABAH DAN OPERASI MERDEKA, 1878-1968

The History of Sabah Claim and The Operation Merdeka, 1878-1968

Mohamad Aljar Najar*

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah
*Corresponding author: mohdaljar99@gmail.com

Dihantar: 17 Jun 2026 / Penambahbaikan: 14 Julai 2026
Diterima: 29 Oktober 2026 / Terbit: 31 Disember 2026

Abstrak

Artikel ini membincangkan sejarah tuntutan Filipina terhadap Sabah dan hubung kaitnya dengan perancangan Operasi Merdeka antara tahun 1963 hingga 1968. Tuntutan tersebut mempunyai latar sejarah yang berakar daripada hubungan Kesultanan Sulu dengan Borneo Utara, khususnya melalui Perjanjian 1878 yang mencetuskan perbezaan tafsiran mengenai status penyerahan wilayah antara pihak British, Malaysia dan Filipina. Perkembangan tuntutan ini kemudiannya memasuki fasa diplomatik yang lebih kompleks berikutan pembentukan Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963. Perjanjian Manila, Deklarasi Manila dan Kenyataan Bersama 1963 memperlihatkan usaha menyelesaikan pertikaian Sabah melalui rundingan serta mekanisme diplomatik, namun perbezaan pendirian kedua-dua negara menyebabkan isu tersebut terus berlarutan. Kebuntuan diplomatik dan pengekalan tuntutan wilayah Filipina seterusnya memberikan latar kepada perancangan Operasi Merdeka di bawah pentadbiran Presiden Ferdinand Marcos. Artikel ini menggunakan pendekatan penyelidikan sejarah secara kualitatif melalui penelitian dokumen diplomatik, rekod rasmi, laporan akhbar sezaman dan penulisan akademik. Perbincangan ini memperlihatkan bahawa Operasi Merdeka mempunyai hubungan rapat dengan perkembangan sejarah tuntutan Sabah dan memperlihatkan bagaimana pertikaian wilayah boleh mempengaruhi tindakan dasar luar serta politik domestik sesebuah negara.

Kata Kunci : Tuntutan Sabah, Filipina, Malaysia, Perjanjian Manila, Operasi Merdeka, Peristiwa Jabidah

Abstract

This article examines the history of the Philippine claim over Sabah and its connection to the planning of Operation Merdeka between 1963 and 1968. The origins of the claim can be traced to the historical relationship between the Sultanate of Sulu and North Borneo, particularly the 1878 Agreement, which generated conflicting interpretations regarding the status of territorial cession between the British, Malaysia and the Philippines. The development of this claim subsequently entered a more complex diplomatic phase following the establishment of the Federation of Malaysia on 16 September 1963. The Manila Accord, Manila Declaration and Joint Statement of 1963 reflected efforts to resolve the Sabah dispute through negotiations and diplomatic mechanisms. However, differences in the positions of both countries caused the issue to remain unresolved. The diplomatic impasse and the Philippines continued territorial claim subsequently provided the historical context for the planning of Operation Merdeka under the administration of President Ferdinand Marcos. This article employs a qualitative historical research approach through the examination of diplomatic documents, official records, contemporary newspaper reports and academic writings. The discussion demonstrates that Operation Merdeka was closely connected to the historical development of the Sabah claim and illustrates how territorial disputes could influence a state's foreign policy decisions and domestic political developments.

Keywords ***:*** *Sabah Claim, Philippines, Malaysia, Manila Accord, Operation Merdeka, Jabidah Incident*

Pengenalan

Pertikaian wilayah Sabah antara Malaysia dengan Filipina merupakan salah satu isu sejarah diplomatik yang mempunyai kesinambungan sejak zaman pemerintahan Kesultanan Sulu dan penguasaan kolonial British di Borneo Utara. Persoalan mengenai pemilikan dan kedaulatan wilayah tersebut berkembang daripada hubungan politik antara Kesultanan Brunei, Kesultanan Sulu dan kuasa kolonial Eropah sebelum muncul sebagai tuntutan rasmi Republik Filipina pada pertengahan abad ke-20. Perkembangan ini memperlihatkan bahawa tuntutan terhadap Sabah tidak muncul secara mendadak selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963, sebaliknya mempunyai asas

sejarah yang berkait dengan perubahan penguasaan wilayah, perjanjian kolonial dan tafsiran terhadap hak kedaulatan. Hubungan Kesultanan Sulu dengan Borneo Utara, khususnya melalui dakwaan penyerahan wilayah oleh Kesultanan Brunei sekitar tahun 1704, menjadi antara asas sejarah yang kemudiannya digunakan bagi menyokong tuntutan terhadap Sabah.

Selepas mencapai kemerdekaan daripada Amerika Syarikat pada 4 Julai 1946, Republik Filipina mula mengemukakan kedudukan politiknya sebagai pewaris kepada kepentingan sejarah Sepanyol dan Kesultanan Sulu di Borneo Utara. Tuntutan tersebut kemudiannya diperkukuh melalui tindakan politik dan diplomatik kerajaan Filipina, termasuk pengemukaan tuntutan rasmi terhadap kerajaan British pada 22 Jun 1962. Perkembangan ini berlaku ketika cadangan pembentukan Persekutuan Malaysia sedang dirundingkan. Oleh itu, kemasukan Borneo Utara ke dalam Persekutuan Malaysia menjadi persoalan yang berkait secara langsung dengan tuntutan wilayah Filipina. Pendirian Manila bahawa tuntutan terhadap Sabah masih belum diselesaikan mewujudkan perbezaan kepentingan dengan Kuala Lumpur yang berusaha mempertahankan pembentukan Malaysia berdasarkan prinsip penentuan nasib sendiri dan kehendak penduduk tempatan (Nik Anuar Nik Mahmud, 2001: 40).

Kesultanan Sulu dan Wilayah Borneo Utara Sebelum 1878

Hubungan Filipina dengan Sabah ialah salah satu warisan sejarah paling kompleks di Asia Tenggara. Ia berakar lebih tiga abad dan masih membayangi diplomasi serantau hingga kini. Akarnya terletak pada Kesultanan Sulu, sebuah kerajaan maritim berdaulat yang wujud sejak pertengahan abad ke-15 di kepulauan Sulu dan mempunyai pengaruh merentasi Laut Sulu hingga ke pantai timur laut Borneo. Kesultanan Brunei dipercayai menyerahkan wilayah yang kini dikenali sebagai Sabah kepada Sultan Sulu pada sekitar tahun 1704, sebagai balasan bantuan ketenteraan Sulu menumpaskan satu pemberontakan dalaman di Brunei. Sulu, dan kemudiannya Filipina, bersandar pada tradisi ini untuk berhujah bahawa kedaulatan ke atas wilayah itu telah beralih daripada Brunei kepada Sulu, jauh sebelum kuasa kolonial Eropah meluaskan kehadiran di rantau ini.

Kemunculan Islam di tanah Filipina dapat dikesan semula seawal abad ke-13 apabila masyarakat Arab mula berlayar di kepulauan tersebut dan berdagang dengan orang tempatan. Aktiviti ini kemudian merancakkan interaksi sosial sesama mereka dan membangun transaksi pengetahuan dan ajaran Islam dalam kalangan masyarakat tempatan yang kemudian mewujudkan populasi mualaf yang bertambah. Hasil daripada penyebaran ajaran Islam ini dapat dikenalpasti dengan kedatangan Sayyid Abu Bakar yang berlayar jauh daripada Sumatera dan kemudian menjadi Sultan Sulu pada tahun 1450 yang menandakan permulaan kepada pentadbiran Islam di Selatan Filipina oleh masyarakat Sulu berasaskan kesultanan. Sultan Syed Abu Bakar atau dikenali juga sebagai Sharif ul-Hashim menjadi sultan pertama pada pertengahan abad ke-15 dibawah pentadbiran sistematik Kesultanan Sulu. Kesultanan Sulu muncul sebagai sebuah kuasa maritim yang berdaulat di kepulauan Sulu sejak pertengahan abad ke-15, dengan pengaruh yang meluas merangkumi rantaian pulau antara Mindanao dan Borneo Utara (Majul, 1973: 111-115).

Wilayah pantai timur laut Borneo yang kini dikenali sebagai Sabah dipercayai telah diserahkan kepada Sultan Sulu oleh pihak istana Brunei pada sekitar tahun 1704, sebagai balasan bantuan ketenteraan Sulu dalam menumpaskan satu pemberontakan dalaman di Brunei (Saleeby, 1908: 225-233). Terdapat hujah bahawasanya sifat sempadan kekuasaan antara Brunei dan Sulu di sepanjang pantai timur laut Borneo pada abad ke-18 dan awal abad ke-19 adalah tidak jelas, dengan pelbagai penguasa tempatan turut mendakwa autoriti bertindih ke atas kawasan pantai yang sama (Wright, 1970: 22-30). Justeru, gambaran bahawa Sulu memegang kedaulatan tunggal dan tidak berbelah bahagi ke atas seluruh wilayah Borneo Utara sebelum kedatangan syarikat berpiagam British perlu dilihat secara kritis, bukan sebagai fakta muktamad yang tidak boleh dipertikai.

Dari sudut pentadbiran feudal, kesultanan Sulu menjamin kegemilangan eranya dengan struktur pemerintahan yang efektif dalam mentadbir dan mengelola masyarakat Muslim melalui peranan datu-datu. Datu merupakan gelaran politik yang diberikan kepada penyokong setia sultan yang bertanggungjawab mentadbir sesebuah wilayah yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka seperti memungut cukai dan mengelola hasil perolehan wilayah tersebut. Sekilas pandang, penyerahan kekuasaan ke atas datu-datu ini terlihat sebagai desentralisasi pentadbiran. Namun, berdasarkan amalan politik yang dipraktikkan dalam Kesultanan Sulu, penyerahan kuasa kepada

datu-datu ini tidak mengganggu-gugat kekuasaan dan kedaulatan sultan yang memerintah pada ketika itu. Selain daripada peranan datu-datu, sultan yang mentadbir kerajaan ketika itu tidak sewenangnya menentukan sebarang keputusan tanpa keterlibatan dan peranan penting Rumah Bechara (Norizan Kadir & Suffian Mansor, 2017: 3).

Titik perubahan paling kritikal dalam sejarah hubungan Sulu dengan Borneo Utara berlaku hasil daripada satu siri peristiwa dramatik dalam istana Brunei pada penghujung abad ke-17, satu perbalahan dalaman yang dikenali sebagai "Perang Chermin" tercetus dalam istana Brunei antara tahun 1660 hingga 1673, apabila seorang bangsawan bernama Pengiran Muda Hakkul Mubin membunuh putera mahkota Brunei akibat pertelingkahan peribadi, lalu mengisytiharkan dirinya sebagai Sultan Brunei yang baharu (Saunders, 2002: 61-62; Mohd Jamil Al-Sufri, 1997: 195-198). Tindakan ini mencetuskan perang saudara berpanjangan antara Hakkul Mubin dengan Pengiran Muhyiddin, yang kemudiannya turut mendakwa takhta Brunei. Dalam konflik ini, kedua-dua pihak yang bertelagah cuba mendapatkan sokongan ketenteraan daripada Kesultanan Sulu, yang pada masa itu mempunyai pertalian kekeluargaan dengan kedua-dua pihak berperang. Sebagai balasan atas bantuan ketenteraan ini, Sultan Brunei bersetuju menyerahkan wilayah timur laut Borneo, iaitu kawasan yang membentang dari Teluk Marudu ke timur, kepada Sultan Sulu (Ranjit Singh, 2000: 45-46: Saleeby, 1908: 175).

Selepas pemberian 1704, wilayah timur laut Borneo kekal berada di bawah pengaruh yang kurang dominan oleh Kesultanan Sulu selama lebih satu abad, tanpa banyak campur tangan kuasa luar yang serius (Lobrigo, 2002: 4-6). Percubaan pertama kuasa Eropah untuk mendapatkan pijakan di wilayah ini datang daripada Syarikat Hindia Timur British (East India Company), menerusi usaha seorang pegawainya, Alexander Dalrymple, yang pada tahun 1761 berjaya menandatangani satu perjanjian dengan Sultan Sulu bagi mendirikan sebuah pos perdagangan di rantau tersebut. Usaha ini, bersama percubaan seterusnya untuk membina sebuah petempatan dan pangkalan ketenteraan yang berpusat di Pulau Balambangan, akhirnya terbukti gagal akibat masalah logistik, penyakit, dan serangan lanun, serta ketidaksetujuan Lembaga Pengarah Syarikat Hindia Timur British untuk terus melabur dalam usaha yang tidak menguntungkan tersebut.

Pada 24 November 1865, Joseph William Torrey berjaya memperoleh kebenaran daripada Kesultanan Brunei untuk mengendalikan operasi perdagangan di keseluruhan bahagian utara Borneo, dari Sulaman di barat hingga ke Sungai Paitan di timur, merangkumi kawasan-kawasan seperti Sandakan, Kimanis, dan pulau-pulau seperti Banggi dan Balambangan (Treggoning, 1965: 6). Torrey, bersama rakan niaganya Thomas Bradley Harris, menubuhkan American Trading Company of Borneo sejurus selepas itu. Walaupun syarikat Torrey ini akhirnya gagal secara komersial dan hak konsesinya berpindah tangan beberapa kali sebelum akhirnya sampai ke tangan Baron Gustav von Overbeck dan Alfred Dent pada tahun 1877 (Wright, 1970: 148-150), episod Torrey ini penting kerana ia menunjukkan bahawa proses pemerolehan wilayah Borneo Utara oleh kuasa Barat bukanlah satu peristiwa tunggal yang berlaku secara tiba-tiba pada 1878, sebaliknya merupakan puncak kepada satu siri usaha konsesi komersial yang bermula sejak pertengahan abad ke-19 (Ranjit Singh, 2000: 113).

Menjelang penghujung tahun 1870-an, dua kuasa yang bertindih iaitu Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu yang mana kedua-duanya masih mendakwa mempunyai hak ke atas pelbagai bahagian wilayah timur laut Borneo, satu situasi yang mewujudkan ruang bagi usahawan asing untuk mengeksploitasi percanggahan tuntutan tersebut. Baron Gustav von Overbeck, seorang Konsul Jeneral Austria di Hong Kong yang mewakili kepentingan peniaga British Alfred Dent, menyedari bahawa wilayah yang beliau ingin peroleh turut dituntut oleh Kesultanan Sulu, lalu memulakan rundingan berasingan dengan Sultan Sulu bagi mengukuhkan kedudukan hak miliknya ke atas keseluruhan wilayah tersebut. Pada 29 Disember 1877, Overbeck terlebih dahulu berjaya memperoleh satu konsesi daripada Sultan Abdul Momin of Brunei, meliputi kawasan seluas kira-kira 28,000 batu persegi di utara Borneo dengan bayaran tahunan sebanyak $15,000, sambil dilantik sebagai "Maharaja Sabah dan Raja Gaya dan Sandakan" (Treggoning, 1965: 15-16). Namun demikian, Overbeck mendapati bahawa sebahagian besar kawasan timur laut Borneo yang ingin dikuasainya sebenarnya masih berada di bawah dakwaan Kesultanan Sulu sejak peristiwa 1704. Justeru, beliau dan William H. Treacher, seorang pegawai kolonial British, belayar ke Sulu untuk merundingkan satu lagi kontrak bagi baki wilayah Borneo Utara yang masih didakwa oleh Sulu. Rundingan inilah yang akhirnya membawa kepada penandatanganan perjanjian bertarikh 22 Januari 1878 antara Overbeck dan Sultan Muhammad Jamalul Alam dari Sulu yang

kemudiannya membawa percanggahan tafsiran antara *cession* dan pajakan yang menjadi teras pertikaian Sabah sehingga ke hari ini (Tarling, 1978: 197; Mohamed Othman Ariff, 1970).

Perjanjian 1878: Persoalan Pajakan Atau Penyerahan Kekal

Titik perubahan paling kritikal dalam sejarah hubungan ini berlaku pada 22 Januari 1878, apabila satu perjanjian ditandatangani antara Sultan Jamalul Alam (Jamal ul-Azam) dengan Alfred Dent dan Baron Gustav von Overbeck, dua usahawan yang kemudiannya menubuhkan BNBC (Maxwel & Gibson, 1924: 205). Teks rasmi perjanjian ini wujud dalam pelbagai versi bahasa termasuk bahasa Inggeris dan bahasa Melayu/Sulu dan sifat sebenar perjanjian ini kekal menjadi punca percanggahan tafsiran yang paling asas dalam keseluruhan pertikaian Sabah sehingga ke hari ini. Teks rasmi perjanjian menyebut perkara penting yang mana ia dimulakan dengan pengakuan oleh Sri Paduka Maulana Al Sultan Muhammad Jamalul Alam bin Sri Paduka Al Marhom al Sultan Muhammad Fathlon Sultan Sulu beserta waris-waris dan pemangkunya dengan nasihat daripada Datu melalui majlis musyawarah telah memberikan dan menyerahkan hak kedaulatan kepada Gustavos Baron Overbeck dan Alfred Dent yang merupakan wakil kepada syarikat BNBC termasuk wakil yang mewarisi syarikat tersebut dengan tempoh kekal atau selama-lama (Abdul Gani Patail, 2013: 23-24).

Pemindahan hak ini meliputi kesemua hak dan kuasa yang dimiliki oleh kesultanan ke atas wilayah-wilayah Borneo yang bermula daripada Sungai Pandassan berkepanjangan ke Sungai Sibuku yang meliputi keseluruhan pantai timur Borneo. Juga dinyatakan beberapa wilayah seperti Paitan, Sugut, Bangaya, Labuk, Sandakan, Kinabatangan, Mumiang dan berkelanjutan kepada beberapa kawasan di utara. Beserta perjanjian ini, penerima kepada penyerahan hak kedaulatan ini iaitu Overbeck dan Alfred Dent perlu berjanji untuk membayar sejumlah amaun kepada Sultan Muhammad Jamalul Alam serta waris-warisnya berjumlah 5000$ setiap tahun (Hamdan Aziz & Syahrin Said, 2016: 283-284). Versi bahasa Inggeris perjanjian tersebut menggunakan istilah yang membawa maksud pemberian atau penyerahan kekal (cession) sebagai balasan bayaran tahunan, manakala versi bahasa Melayu menggunakan perkataan 'pajakan', iaitu istilah yang oleh sesetengah pihak ditafsirkan sebagai pajakan atau

sewaan, bukannya pemindahan kedaulatan secara kekal (Lobrigo, 2022: 6; Norizan Kadir & Suffian Mansor, 2017).

Foto 1: Dokumen Perjanjian 1878 Sultan Sulu-Overbeck



Sumber: Brunei Times, 2008.

Percanggahan linguistik dan konseptual antara dua versi ini menjadi asas kepada dua tafsiran yang bertentangan sama sekali: Malaysia menegaskan bahawa Perjanjian 1878 adalah satu penyerahan kedaulatan yang muktamad, manakala Filipina dan kemudiannya waris Kesultanan Sulu secara berasingan berhujah bahawa ia hanya satu pajakan yang tidak pernah melucutkan kedaulatan asal Kesultanan Sulu ke atas wilayah tersebut.

Dari sudut pandangan syarikat berpiagam dan pentadbiran kolonial British sendiri, bayaran tahunan yang dipersetujui itu sentiasa dianggap sebagai satu urus niaga komersial semata-mata dan bukan satu urus niaga kedaulatan, dengan hujah tambahan bahawa hanya Brunei bukan Sulu yang memiliki hak berdaulat sebenar untuk memberi sebarang konsesi ke atas wilayah pantai timur laut Borneo tersebut (Mohd Hazmi Mohd Rusli & Muhammad Azim Mazlan, 2013: 1-2). Perjanjian penyerahan ini kemudiannya dikukuhkan lagi oleh instrumen pernyataan semula yang dikeluarkan pada 22 April 1903 yang diklasifikasikan sebagai Pengesahan oleh Sultan Sulu atas penyerahan pulau-pulau tertentu (Abdul Gani Patail, 2013: 24-25).

Dalam pengesahan itu dinyatakan bahawasanya penyerahan sebelumnya kepada pentadbiran British di Borneo Utara telah memiliki kesemua pulau berdekatan kawasan Borneo Utara iaitu Pulau Muliangin, Malawali, Tegabu, Bilian dan beberapa lagi pulau-pulau disekitar. Pengesahan ini dilaksanakan kerana pada perjanjian sebelumnya iaitu Perjanjian 1878, nama-nama pulau tersebut tidak dinyatakan dengan terang dan jelas. Dengan pengesahan ini kemudiannya pentadbiran British telah layak mentadbir Borneo Utara bersama kedaulatan yang diserahkan oleh Kesultanan Sulu dengan tempoh efektif iaitu pada tahun 1888. Berdasarkan tafsiran cession yang diguna pakai oleh pihak British, Borneo Utara diisytiharkan sebagai naungan (protectorate) British pada tahun 1881 di bawah pentadbiran British North Borneo Chartered Company, sebuah syarikat komersial yang diberi kuasa pentadbiran secara eksklusif oleh kerajaan British (Wright, 1970: 60-68).

Perjanjian dan Deklarasi Manila 1963

Penentuan nasib sendiri dalam undang-undang antarabangsa menjadi kerangka kepada dekolonisasi Borneo Utara yang kemudiannya membentuk wilayah berautonomi yang dikenali sebagai Sabah. Prinsip ini mula dikodifikasikan secara formal menerusi Resolusi Perhimpunan Agung PBB 1514 pada tahun 1960, yang dikenali sebagai *Deklarasi Pemberian Kemerdekaan kepada Negara dan Rakyat Jajahan*, yang mengisytiharkan bahawa semua rakyat mempunyai hak untuk menentukan status politik mereka secara bebas (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu [PBB], 1960).

Dari perspektif Malaysia dan majoriti masyarakat antarabangsa ketika itu, gabungan mekanisme Suruhanjaya Cobbold dan Misi PBB dianggap memadai untuk memenuhi keperluan penentuan nasib sendiri di bawah Prinsip IX Resolusi 1541 (XV), kerana ia melibatkan proses perundingan meluas dengan penduduk tempatan dan disaksikan oleh wakil badan antarabangsa yang neutral. Sejak penubuhan Malaysia, tuntutan Filipina tidak pernah dilupuskan secara rasmi, walaupun intensitinya turun naik mengikut kepimpinan dan keutamaan politik domestik Filipina dari masa ke semasa. Cadangan penubuhan Persekutuan Malaysia yang menggabungkan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak, dan Borneo Utara mencetuskan tindak balas serentak dan bertentangan daripada dua buah negara jiran, iaitu Indonesia dan Filipina. Sebagai usaha untuk meredakan ketegangan serantau ini, Presiden Filipina Diosdado Macapagal mengetengahkan gagasan Maphilindo, iaitu satu bentuk konfederasi longgar yang berlandaskan konsep perpaduan rumpun Melayu, sebagai wahana untuk menyelesaikan pertikaian wilayah secara aman melalui perundingan serantau dan bukan konfrontasi (Macapagal, 1968: 308-310). Gagasan ini membawa kepada satu siri pertemuan tiga hala yang berpuncak pada persidangan kemuncak di Manila antara 30 Julai hingga 5 Ogos 1963.

Persidangan kemuncak tiga hala di Manila antara 30 Julai hingga 5 Ogos 1963 menghasilkan bukan sahaja satu, tetapi tiga dokumen diplomatik yang saling berkait dan perlu difahami sebagai satu kesatuan tekstual: Perjanjian Manila (Manila Accord), yang sebenarnya telah dimuktamadkan lebih awal oleh para menteri luar pada 11 Jun 1963 dan kemudiannya "diluluskan dan diterima" oleh ketua-ketua kerajaan pada 31 Julai 1963; Deklarasi Manila (Manila Declaration), yang ditandatangani pada 3 Ogos 1963; dan Kenyataan Bersama (Joint Statement), yang ditandatangani pada 5 Ogos 1963 sejurus sebelum penutupan rasmi persidangan (Republic Of The Phillippines, 1963).

Perenggan 12 Perjanjian Manila menjadi peruntukan paling kritikal dalam keseluruhan pertikaian ini, kerana ia mencatatkan persetujuan bahawa kemasukan Borneo Utara ke dalam Persekutuan Malaysia tidak akan menjejaskan tuntutan atau hak Filipina ke atas wilayah tersebut. Peruntukan inilah yang kemudiannya menjadi asas kepada pendirian rasmi Filipina bahawa tuntutannya kekal sah walaupun Sabah telah pun menjadi sebahagian daripada Malaysia (Republic Of The Phillippines, 1963; Leifer, 1968: 39). Ini disokong lagi

oleh kenyataan tegas Filipina dalam nota bertulisnya bertarikh 19 November 1964, yang menegaskan bahawa kerajaan Malaysia tidak mungkin memperoleh lebih banyak hak ke atas Borneo Utara berbanding hak yang sebelum ini dimiliki oleh kerajaan British, dan bahawa penubuhan "Persekutuan Malaysia" tidak boleh secara konsepnya memperbaiki kedudukan Malaysia berbanding Filipina. Perkara ini diperkuat dengan dakwaan Filipina bahawa penubuhan Malaysia tidak seharusnya berlaku sebelum tuntutannya ke atas Sabah diselesaikan sepenuhnya melalui perundingan atau timbang tara antarabangsa.

Walau bagaimanapun, kerajaan Persekutuan Tanah Melayu menolak sepenuhnya tafsiran tersebut. Kuala Lumpur berhujah bahawa penentuan masa depan Sabah perlu berdasarkan prinsip penentuan nasib sendiri, selaras dengan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan proses dekolonisasi yang sedang berlaku di Borneo Utara. Hasil tinjauan Suruhanjaya Cobbold pada tahun 1962 serta Misi PBB yang diketuai oleh Laurence Michelmore menunjukkan majoriti penduduk Sabah dan Sarawak menyokong penyertaan ke dalam Malaysia. Berdasarkan dapatan tersebut, kerajaan Malaysia menegaskan bahawa pembentukan Malaysia mempunyai legitimasi antarabangsa dan tidak boleh dipersoalkan melalui tuntutan sejarah semata-mata (Abdul Gani Patail, 2013: 110-114).

Tunku Abdul Rahman berpendapat bahawa tuntutan Filipina merupakan ancaman terhadap integriti wilayah negara yang baharu dibentuk. Sebarang pengiktirafan terhadap tuntutan tersebut dikhuatiri akan membuka ruang kepada campur tangan asing terhadap urusan dalaman Malaysia. Oleh sebab itu, kerajaan Malaysia memilih untuk mempertahankan pendirian bahawa Sabah adalah sebahagian daripada Malaysia berdasarkan kehendak rakyat tempatan dan pengiktirafan masyarakat antarabangsa. Pendekatan ini memperlihatkan percanggahan asas antara prinsip hak sejarah (historical rights) yang digunakan oleh Filipina (Marston, 1967: 141) dengan prinsip penentuan nasib sendiri yang dijadikan asas oleh Malaysia.

Rancangan Operasi Merdeka: Tuntutan Sabah Melalui Ketenteraan

Operasi Merdeka atau Oplan Merdeka, merujuk kepada rancangan sulit yang dikaitkan dengan usaha kerajaan Filipina untuk memperkukuh tuntutan wilayahnya ke atas Sabah melalui kegiatan ketenteraan terselindung. Rancangan ini muncul ketika usaha diplomatik Filipina untuk mendapatkan pengiktirafan terhadap tuntutan tersebut berhadapan dengan tentangan Malaysia. Pendedahan mengenai operasi itu pada Mac 1968 menimbulkan persoalan tentang hubungan antara tuntutan Sabah, penglibatan anggota tentera Filipina dan pendirian rasmi pentadbiran Presiden Ferdinand Marcos. Laporan akhbar sezaman menunjukkan bahawa projek tersebut dikaitkan dengan rancangan ketenteraan yang bertujuan mempengaruhi keadaan di Sabah, meskipun kerajaan Filipina tidak mengakui secara terbuka bahawa ia menjalankan operasi pencerobohan (Eastern Sun, 29 Mac 1968).

Perancangan operasi ini dikaitkan dengan Civil Affairs Office (CAO), sebuah unit di bawah Jabatan Pertahanan Negara Filipina yang dilaporkan berada di bawah pimpinan Mejar Eduardo Martelino, yang turut dikenali sebagai Abdul Latif. Antara kegiatan yang dikaitkan dengan rancangan itu ialah pengumpulan maklumat, latihan ketenteraan dan persediaan untuk menyusup ke Sabah. Strategi sulit tersebut membolehkan kerajaan Filipina meneruskan tuntutan wilayahnya tanpa mengisytiharkan konfrontasi ketenteraan secara terbuka dengan Malaysia. Salah satu persoalan utama yang timbul kemudian ialah sama ada pasukan berkenaan benar-benar bertindak sebagai kumpulan persendirian yang dikaitkan dengan pewaris Kesultanan Sulu, atau sebenarnya menerima sokongan daripada unsur dalam pentadbiran dan angkatan tentera Filipina. Laporan akhbar serta perbahasan politik selepas pendedahan operasi menunjukkan bahawa penjelasan rasmi kerajaan tidak mengakhiri pertikaian tentang tujuan dan pihak yang bertanggungjawab terhadap rancangan tersebut (The Straits Times, 24 Mac 1968).

Pengambilan anggota bagi operasi tersebut melibatkan pemuda Muslim, khususnya masyarakat Tausug dari kepulauan Sulu, serta sebahagian masyarakat Sama dari kawasan sekitarnya. Mereka direkrut dengan tawaran elaun dan menjalani latihan di Simunul sebelum dipindahkan ke Pulau Corregidor. Keterangan Jibin Arula, salah seorang anggota yang terselamat daripada insiden tersebut,

mendedahkan bahawa latihan itu mempunyai kaitan dengan rancangan memasuki Sabah. Namun, terdapat perbezaan antara keterangan Arula dengan penjelasan yang diberikan oleh Martelino dan pihak tentera Filipina mengenai matlamat operasi. Oleh itu perbahasan mengenai ini mewujudkan banyak perspektif khususnya apabila menentukan sama ada semua anggota yang direkrut mengetahui tujuan sebenar misi mereka sejak awal (Fernandez, 2013: 52-53).

Fasa latihan awal dijalankan di Camp Sophia di Pulau Simunul, sebelum kumpulan rekrut ini kemudiannya dipindahkan menggunakan kapal Tentera Laut Filipina ke Pulau Corregidor, Di sinilah barulah sebahagian besar rekrut mengetahui hakikat sebenar misi mereka, iaitu untuk dilatih dalam taktik gerila dan peperangan hutan bagi tujuan menyusup ke Sabah. Pendedahan tujuan sebenar ini, yang berbeza sama sekali daripada apa yang dijanjikan semasa perekrutan, mencetuskan rasa tidak puas hati dan keresahan dalam kalangan rekrut. Ketegangan ini semakin memuncak apabila gaji yang dijanjikan tidak pernah dibayar, sehingga membawa kepada rusuhan atau percubaan pemberontakan dalam kalangan sebahagian rekrut yang menuntut supaya dihantar pulang. Sebaik mengetahui realiti operasi ketenteraan yang diikuti para rekrut, penolakan berlaku yang akhirnya mengakibatkan pembunuhan secara beramai-ramai yang dilaksanakan oleh tentera kerajaan Filipina dibawah pentadbiran Marcos (Curraming, 2017: 90-91).

Sebaik sahaja mengetahui akan tindakan ketenteraan dalam permainan politik irredentis Marcos ini, Malaysia kemudiannya menghantar bantahan diplomatik terhadap Filipina kerana tindakan menubuhkan kem ketenteraan rahsia dan membentuk pasukan gerila perang dengan tujuan menyusup masuk ke wilayah Sabah itu merupakan satu tindakan melampau yang mampu menjejaskan hubungan diplomatik yang cuba dibangun semula selepas konflik pembentukan Malaysia pada tahun 1963 berlaku. Tun Mustapha menganggap perbuatan presiden dan republik itu sebagai sesuatu yang perlu diperjelas di khalayak ramai dan tindakan sedemikian telah mengganggu gugat keselamatan rakyat Sabah. Malaysia merespon untuk tidak melakukan sebarang rundingan dengan Filipina mengenai tuntutan ke atas Sabah (Sabah Times, 31 Ogos 1968). Pada tahun 1968 juga, Filipina telah mengesahkan Rang Undang-Undang untuk meluluskan sebarang keputusan untuk menuntut Sabah semula melalui laluan perundangan antarabangsa meskipun telah dibantah oleh Malaysia melalui persidangan ASEAN.

Kesimpulan

Perjanjian 1878 menjadi titik penting dalam perkembangan pertikaian tersebut apabila perbezaan tafsiran terhadap istilah *cession* dan *pajakan* menghasilkan dua pendirian yang bertentangan mengenai status kedaulatan wilayah Borneo Utara. Tafsiran ini kemudiannya menjadi asas kepada tuntutan Filipina yang dikemukakan secara rasmi selepas negara tersebut mencapai kemerdekaan pada tahun 1946.

Pembentukan Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963 telah membawa pertikaian Sabah memasuki fasa diplomatik yang lebih kompleks. Perjanjian Manila, Deklarasi Manila dan Kenyataan Bersama 1963 memperlihatkan usaha Filipina, Malaysia dan Indonesia untuk menangani perbezaan kepentingan wilayah melalui rundingan serantau. Walau bagaimanapun, perbezaan tafsiran terhadap Perenggan 12 Perjanjian Manila menyebabkan tuntutan Filipina terus dikekalkan meskipun Sabah telah menyertai Malaysia. Pendirian kedua-dua negara memperlihatkan pertentangan antara tuntutan berdasarkan hak sejarah yang dikemukakan oleh Filipina dengan prinsip penentuan nasib sendiri yang menjadi asas pendirian Malaysia.

Perancangan operasi yang dikaitkan dengan usaha menyusup masuk ke Sabah melalui pengambilan dan latihan anggota Muslim dari selatan Filipina memperlihatkan perkembangan tuntutan wilayah daripada pendekatan diplomatik kepada perancangan ketenteraan terselindung. Dalam konteks hubungan Malaysia-Filipina, pendedahan Operasi Merdeka telah menambahkan ketegangan yang sedia wujud sejak pembentukan Malaysia. Tindakan Malaysia mengemukakan bantahan diplomatik dan mempertahankan pendirian terhadap kedaulatan Sabah memperlihatkan bahawa isu tersebut telah berkembang melangkaui pertikaian sejarah dan perundangan.

Berdasarkan perkembangan antara tahun 1878 hingga 1968, Operasi Merdeka dapat ditafsirkan sebagai salah satu manifestasi ketegangan yang terbentuk daripada pertikaian sejarah dan kegagalan menyelesaikan tuntutan Sabah melalui saluran diplomatik. Hubungan antara Perjanjian 1878, pembentukan Malaysia, rundingan Manila dan perancangan ketenteraan pada tahun 1968 memperlihatkan kesinambungan kepentingan wilayah dalam menentukan hubungan luar Malaysia-Filipina.

Senarai Rujukan

Dokumen Arkib

Brunei Times. (2008, September 21). Under the Golden Legacy Column: Grant of Sulu Sultanate and Overbeck, 1878.

Eastern Sun. (1968, 29 Mac). Sabah: New Evidence Unfolds P.I. Govt'.s Military Plan.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. (1960). Resolusi Perhimpunan Agung 1514 (XV): Declaration on the granting of independence to colonial countries and peoples (Dokumen PBB A/RES/1514(XV)). New York, NY: Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. (1966). Manila Accord (signed at Manila on 31 July 1963). United Nations Treaty Series (UNTS), Vol. 550, No. 8029, pp. 343–347.

Republic of the Philippines. (1963, September 14). *United Nations Malaysia Mission report: Final conclusions of the Secretary-General*. Manila: Official Gazette of the Republic of the Philippines.

Sabah Times. (1968, 31 Ogos). P.I. Bill Is Indefensible Says Tunku.

Sabah Times. (1968, 31 Ogos). P.I's Claim Presents Obstacles Says H.E.

The Straits Time. (1968, 24 Mac). Sabah Plot: A Please Explain Notes to Manila.

Buku dan Jurnal

Abdul Gani Patail. (2013). *Putting to Rest the Claim to Sabah by the Self-Proclaimed Sultanate of Sulu*. Kuala Lumpur: Razak Scool of Government.

Curaming, R. A. (2017). From Bitter Memories to Heritage-making?: The Jabidah Massacre and the Mindanao Garden of Peace. *SOJOURN: Journal of Social Issues in Southeast Asia*. Vol. 32(1): 78-106.

Fernandez, E. S. (2007). Philippine–Malaysia Dispute over Sabah: A Bibliographic Survey. *Asia-Pacific Social Science Review*. Vol. 7(1): 53–64

Hamdan Aziz & Syahrin Said. (2016). Tuntutan Kesultanan Sulu terhadap Sabah: Sorotan dari Perspektif Sejarah dan Perundangan. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. 9(2): 279-294.

Lobrigo, F. E. (2022). *The Sabah Question in International Law*. Diliman, Quezon City: University of the Philippines Law Center.

Macapagal, D. (1968). *A Stone for The Edifice: Memoirs of a President*. Quezon City: Mac Publishing House.

Majul, C. A. (1973). *Muslims in the Phillippines*. Quezon City: University of the Phillippines Press.

Marston, G. (1967). International Law and the Sabah Dispute. *Australila. YBIL*. Vol. 3: 103-104.

Maxwell, W. G., & Gibson, W. S. (Eds.). (1924). *Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo*. London: J. Truscott & Son, Limited.

Mohamed Othman Ariff. (1970). *The Philippines' Claim to Sabah: Its Historical, Legal and Political Implications*. Singapore: Oxford University Press.

Mohd Hazmi Mohd Rusli, & Maizatun Mustafa. (2014). Sultan of Sulu's Sabah claim: Reminiscence of a 'long-lost' Sovereignty. *Journal of Social Science for Policy Implications*. Vol. 2(1): 185–189

Mohd Jamil Al-Sufri. (1997). *Tarsilah Brunei: Zaman kegemilangan dan kemasyhuran* (Jilid 2). Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.

Nik Anuar Nik Mahmud. (2001). *Tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara.* Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Norizan Kadir & Suffian Mansor. (2017). Reviving the Sultanate of Sulu Through its Claim over Sabah, 1962-1986. *Akademika.* Vol 87.

Ranjit Singh, D. S. (2000). *The Making of Sabah 1865–1941: The dynamics of indigenous society*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Saleeby, N. M. (1908). *The History of Sulu* (Vol. 4). Manila: Bureau of Printing.

Saunders, G. (2002). *A History of Brunei* (2nd Ed.). London: RoutledgeCurzon.

Tarling, N. (1978). *Sulu and Sabah: A Study of British Policy Towards the Philippines and North Borneo from the Late Eighteenth Century*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Tregonning, K. G. (1965). *A History of Modern Sabah (North Borneo 1881–1963)* (2nd ed.). Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Wright, L. R. (1970). *The Origins of British Borneo*. Hong Kong: Hong Kong University Press.